



JABATAN TENAGA ATOM
(DEPARTMENT OF ATOMIC ENERGY)
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
(Ministry of Science, Technology and Innovation)

27 Julai 2023

Notis Pemberitahuan Atom Malaysia

Bil. 01/2017 Sem. 4

**MEKANISME KAWAL SELIAAN AKTIVITI TENAGA ATOM DI BAWAH AKTA
PERLESENAN TENAGA ATOM 1984 (AKTA 304)**

TUJUAN

1. Tujuan notis pemberitahuan ini adalah untuk memaklumkan mengenai mekanisme kawal seliaan aktiviti tenaga atom melalui;
 - a) "lesen";
 - b) "kelulusan"; atau
 - c) pengemaskinian maklumat melalui sistem atas talian eSPP

selaras dengan peruntukan di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 [Akta 304]. Melalui mekanisme ini, kawal seliaan aktiviti tenaga atom melalui "kebenaran" selain yang diperuntukkan di bawah Akta 304 adalah dimansuhkan.

LATAR BELAKANG

2. Di bawah Akta 304, mekanisme kawal seliaan melalui "kebenaran" secara bertulis hanya terpakai bagi tiga (3) perkara berikut sahaja:
 - (a) melupus atau menyebabkan dilupus apa-apa sisa radioaktif (Seksyen 26 Akta 304);

- (b) menumpuk atau menyebabkan ditumpuk apa-apa sisa radioaktif di mana-mana premis (Seksyen 27 Akta 304); dan
- (c) mengangkut apa-apa sisa radioaktif (Seksyen 30 Akta 304).
3. Sehubungan dengan itu, mekanisme kawal seliaan selain daripada yang dinyatakan dalam perkara 2 di atas adalah melalui “lesen”, “kelulusan” atau pengemaskinian maklumat melalui sistem atas talian eSPP.

KEPUTUSAN

4. Jabatan Tenaga Atom (Atom Malaysia) memutuskan bahawa aktiviti yang memerlukan “kelulusan” adalah seperti di **Jadual 1**:

Jadual 1: Aktiviti yang dikawal melalui “kelulusan”

BIL.	AKTIVITI	MEKANISME KAWALSELIAAN
1.	Pelupusan bahan radioaktif/bahan nuklear/benda ditetapkan	Pemegang lesen hendaklah mempunyai lesen Kelas G bagi menjalankan aktiviti pelupusan. Di samping itu, pemegang lesen hendaklah memohon “kelulusan” Atom Malaysia melalui sistem atas talian eSPP setiap kali aktiviti pelupusan dilakukan.
2.	Melakukan kerja radiografi kawasan awam	Pemegang lesen hendaklah memohon “kelulusan” Atom Malaysia melalui sistem atas talian eSPP.
3.	Membina/mengguna bilik dedahan	Pemegang lesen hendaklah memohon “kelulusan” Atom Malaysia melalui sistem atas talian eSPP.
4.	Membina/mengguna tempat penstoran sementara/tetap bahan radioaktif	Pemegang lesen hendaklah memohon “kelulusan” Atom Malaysia melalui sistem atas talian eSPP.

BIL.	AKTIVITI	MEKANISME KAWALSELIAAN
5.	Pengelasan semula kawasan	Pemegang lesen hendaklah memohon “kelulusan” Atom Malaysia melalui sistem atas talian eSPP.
6.	Penukaran alamat syarikat	Pemegang lesen hendaklah memohon “kelulusan” Atom Malaysia melalui sistem atas talian eSPP.
7.	Sambung guna penstoran sementara	Pemegang lesen hendaklah memohon “kelulusan” Atom Malaysia melalui sistem atas talian eSPP.
8.	Hapus guna tempat penstoran tetap/ sementara bahan radioaktif (punca tak terkedap)	Pemegang lesen hendaklah memohon “kelulusan” Atom Malaysia melalui sistem atas talian eSPP.
9.	Memberhentikan operasi/ membubarkan/ meninggalkan kemudahan	Pemegang lesen hendaklah memohon “kelulusan” Atom Malaysia melalui sistem atas talian eSPP.
10.	Penukaran nama syarikat	<p>Seperti mana yang tertakluk dalam Syarat Lesen dan pemegang lesen hendaklah memohon “kelulusan” Atom Malaysia melalui sistem atas talian eSPP.</p> <p>Nota:</p> <p>Pemegang lesen hendaklah membuat permohonan lesen baharu sekiranya penukaran nama syarikat melibatkan perubahan nombor pendaftaran syarikat [<i>Register of Company (RoC)</i>].</p>

5. Atom Malaysia juga memutuskan bahawa “kebenaran” di **Jadual 2** dimansuhkan. Walau bagaimanapun, pemegang lesen hendaklah melakukan pengemaskinian

maklumat melalui sistem atas talian eSPP bagi aktiviti yang telah dikenalpasti.

Jadual 2: Aktiviti yang tidak memerlukan “kelulusan”

BIL.	AKTIVITI	MEKANISME KAWAL SELIAAN
1.	Pembubaran radas penyinaran	Pemegang lesen hendaklah mempunyai lesen Kelas G bagi menjalankan aktiviti pembubaran radas penyinaran. Maklum balas pembubaran radas penyinaran hendaklah dikemukakan melalui sistem atas talian eSPP, setiap kali aktiviti pembubaran radas penyinaran dilakukan untuk mengemas kini pemilikan.
2.	Peminjaman pekerja	Permohonan kebenaran aktiviti ini telah dimansuhkan. Pemegang lesen tidak perlu memaklumkan kepada Atom Malaysia sebaliknya hanya berurusan dengan syarikat pemberi pinjam. Perlindungan kesihatan dan keselamatan pekerja (termasuk yang dipinjam) adalah tanggungjawab pemegang lesen (syarikat peminjam).
3.	Peminjaman meter tinjau	Pemegang lesen hendaklah mengemas kini maklumat melalui sistem atas talian eSPP.
4.	Peminjaman bahan radioaktif	
5.	Peminjaman radas penyinaran	
6.	Pemberhentian pekerja	Seperti mana yang tertakluk dalam Syarat Lesen dan pemegang lesen hendaklah mengemas kini maklumat melalui sistem atas talian eSPP.
7.	Hapus guna penstoran tetap/ sementara bahan radioaktif (punca terkedap)	

BIL.	AKTIVITI	MEKANISME KAWAL SELIAAN
8.	Penambahan alamat syarikat	Seperti mana yang tertakluk dalam Syarat Lesen dan pemegang lesen hendaklah mengemas kini maklumat melalui sistem atas talian eSPP.
9.	Perkongsian tempat penstoran bahan radioaktif	
10.	Pengecualian meter tinjau	Permohonan kebenaran aktiviti ini telah dimansuhkan.
11.	Melakukan pemasangan/ pengujian radas penyinaran	Aktiviti ini dikawal secara pelesenan. Pemegang lesen hendaklah mempunyai lesen Kelas H sekiranya memberi perkhidmatan bagi mana-mana aktiviti yang berkaitan.
12.	Melakukan penyenggaraan/ pengujian radas penyinaran	
13.	Melakukan penyenggaraan/ pengujian bekas punca	Seperti mana yang tertakluk dalam Syarat Lesen dan pemegang lesen hendaklah mengemas kini maklumat melalui sistem atas talian eSPP. Pemegang lesen yang melakukan sendiri pemasangan radas penyinaran atau melakukan pemasangan radas penyinaran di bawah aktiviti penjualan adalah tidak tertakluk kepada lesen Kelas H. Pemegang lesen yang melakukan sendiri penyenggaraan radas penyinaran/ bekas punca adalah tidak tertakluk dengan keperluan lesen kelas H.
14.	Pergerakan bahan radioaktif melalui udara dalam sempadan negara Malaysia	Permohonan kebenaran ini telah dimansuhkan. Pemegang lesen hendaklah mengemas kini maklumat melalui sistem atas talian eSPP.

BIL.	AKTIVITI	MEKANISME KAWAL SELIAAN
		<p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Aktiviti ini masih dikawal oleh Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) di mana pemohon perlu mendapatkan kelulusan (permit) sebelum dibenarkan mengangkut bahan radioaktif melalui udara. ii. Mekanisme kawal seliaan ini hanya terpakai bagi aktiviti pergerakan bahan radioaktif melalui udara dalam sempadan negara sahaja. Bagi pergerakan bahan radioaktif yang merentasi sempadan negara Malaysia, aktiviti tersebut diklasifikasikan sebagai aktiviti import/eksport yang tertakluk di bawah lesen Kelas E dan tertakluk kepada permohonan melalui sistem dalam talian, ePermit.
15.	Melakukan perkhidmatan ujian kebocoran	Aktiviti ini dikawal secara pelesenan. Pemegang lesen hendaklah mempunyai lesen Kelas H. Pemegang lesen hendaklah mengemaskini maklumat melalui sistem atas talian eSPP, setiap kali melakukan perkhidmatan ujian kebocoran.

BIL.	AKTIVITI	MEKANISME KAWAL SELIAAN
16.	Ubah lokasi bahan radioaktif/radas penyinaran	<p>Permohonan kebenaran aktiviti ini telah dimansuhkan.</p> <p>Pemegang lesen hendaklah mengemas kini penyata pemilikan melalui sistem atas talian eSPP sekiranya mengubah lokasi bahan radioaktif/ radas penyinaran.</p>

6. Selain yang dinyatakan dalam Jadual 1 dan Jadual 2, terdapat aktiviti yang memerlukan pemohon (bukan pemegang lesen) untuk mengemukakan surat makluman “pemberitahuan (*notification*)”. Atom Malaysia akan mengeluarkan perakuan penerimaan kepada pemohon setelah menerima “pemberitahuan” tersebut. Aktiviti pemohon (bukan pemegang lesen) yang perlu kepada “pemberitahuan” adalah transit bahan nuklear.

Nota:

Aktiviti transit bahan radioaktif dan bahan nuklear masih dikawal melalui pengeluaran permit di bawah Akta Perdagangan Strategik 2010 (Akta 708).

ARAHAN ATOM MALAYSIA

7. Pemegang lesen hendaklah mematuhi keputusan yang telah ditetapkan oleh Atom Malaysia seperimana dalam **Jadual 1** dan **Jadual 2** serta di **Perkara 6**.

PENGUATKUASAAN ARAHAN

8. Arahan ini adalah berkuatkuasa secara **berperingkat mulai tahun 2016**.

PENUTUP

9. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai Notis Pemberitahuan ini, sila berhubung dengan Atom Malaysia melalui alamat seperti di bawah:

Unit Komunikasi Korporat (UKK)
Jabatan Tenaga Atom (Atom Malaysia)
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Batu 24, Jalan Dengkil, 43800 Dengkil, Selangor
No. Tel: +603-89225888 No. Faks: +603-89223685
E-mel: corporate@aelb.gov.my Laman Web : wwwaelb.gov.my